

07/06/2002

Tiada jangka masa kaji guna bahasa Inggeris

SEREMBAN, Khamis - Kementerian Pendidikan tidak menetapkan jangka masa tertentu kepada jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi mengkaji cadangan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran sains dan matematik.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim, berkata jawatankuasa yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat diberi peluang membuat kajian terperinci bagi memastikan pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris berjalan lancar.

Katanya, hasil kajian itu akan dikemukakan kepada kementerian sebelum dibentangkan kepada Kabinet.

"Kementerian belum dapat menentukan bila penggunaan bahasa Inggeris dimulakan. Kita perlu menunggu hasil kajian itu terlebih dulu," katanya selepas merasmikan Seminar dan Bengkel Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke-2 anjuran Kolej Damansara Utama (KDU) di sini Dewan Perbandaran Seremban di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno bulan lalu menolak cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris, sebaliknya memperkenalkan pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun satu.

Selain itu, mata pelajaran Kesusasteraan Inggeris Kontemporari diperkenalkan dalam usaha mengatasi masalah kelemahan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.

Sementara itu, Hon berkata, kementerian juga melatih guru sains dan matematik lebih bersedia mengajar dalam bahasa Inggeris.

"Sudah tentu apabila langkah baru ini diperkenalkan, kementerian perlu memberi perhatian terhadap guru," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Hon berkata pelajar aliran sains kini mempunyai peluang lebih besar memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, dasar mengutamakan pelajar aliran sains akan berterusan hingga kuota 60:40 bagi pelajar sains dan sastera tercapai di IPTA.

Beliau berkata, dasar itu penting bagi memastikan negara tidak menghadapi masalah guna tenaga bagi mencapai taraf negara maju selaras Wawasan 2020.

(END)